

Pengalaman sewaktu berkunjung ke ekspo pertanian

Pada hari Sabtu yang lepas, ayah saya telah membawa sekeluarga _____ ke ekspo pertanian yang diadakan di Pantai Irama Bachok, Kelantan. Awal-awal pagi lagi kami mula _____ barang keperluan masing-masing sebelum memulakan perjalanan. Saya telah membawa kamera untuk merakam gambar-gambar yang menarik untuk dijadikan _____.

Beberapa jam kemudian, kami tiba di destinasi yang dituju. Tempat pertama yang _____ lawati adalah tapak gerai jualan dan pameran. Di sana terdapat banyak hasil pertanian yang dipamerkan. _____ yang datang ke tapak-tapak pameran akan diberi penerangan oleh staf yang bertugas berkaitan dengan produk masing-masing. Di samping itu, keadaan di ekspo itu sungguh _____ kerana para peniaga berteriak untuk mempromosikan produk masing-masing.

Ketika kami sibuk melihat pameran yang dipamerkan di ekspo itu, kami melihat _____ kereta mewah masuk ke perkarangan dewan tersebut. Rupa-rupanya, itu ketibaan tetamu terhormat yang akan merasmikan ekspo tersebut. Tetamu terhormat tersebut ialah YB Haji Abdul Aziz. Beliau _____ tetamu terhormat yang lain untuk naik ke pentas dan duduk di kerusi yang disediakan.

Selain itu, ada juga majlis penyampaian sumbangan _____ para petani dan pedagang yang layak. Sumbangan ini bertujuan bagi menyuntik dana dan semangat _____ mereka terus berusaha lebih gigih untuk memajukan diri serta perniagaan masing-masing. Mereka yang menerima sumbangan itu berasa sangat _____.

Sebelum kami bergerak pulang, kami singgah di sebuah khemah. Di sana ada seorang perempuan menghampiri kami dan mengajak kami untuk menyertai _____. Beliau menerangkan syarat untuk _____ cabutan bertuah ini dengan hanya berbelanja sebanyak RM 30.00 dimana-mana gerai.

Kebetulan kami sudah pun berbelanja melebihi RM 30.00. Maka kami bersetuju untuk menyertai cabutan bertuah itu. Hadiah kepada yang bertuah sangatlah _____ iaitu sebuah peti sejuk. Ibu saya sangat teruja untuk menyertainya. Setelah setengah jam kami menunggu, akhirnya rezeki memihak kepada kami. Nama ibu saya _____ sebagai pemenang cabutan bertuah tersebut.

Kesimpulannya, kunjungan ke ekspo seperti ini dapat memberikan banyak pengalaman dan pengetahuan buat kami sekeluarga. Di samping itu, kami sekeluarga juga dapat mengisi _____ dengan aktiviti yang berfaedah

mengemaskan	agar	kami	kepada	lumayan	diiringi
cabutan bertuah	kenangan	hiruk-pikuk	masa lapang	berkunjung	Para pelanggan
bersyukur	menyertai	sebuah	diumumkan		